

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

SOALAN

PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH [PETALING JAYA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa talian bantuan kecemasan untuk membantu orang yang berfikir untuk membunuh diri dan pecahan mengikut bahasa, talian Kerajaan, talian NGOs dan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah bekerjasama dengan MERCY Malaysia dalam memberikan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial atau *Mental Health and Psychosocial Support Services* (MHPSS) secara atas talian sejak penularan pandemik Covid-19 pada tahun 2020.
2. Antara agensi Kerajaan dan badan bukan Kerajaan lain (NGOs) yang turut memberi perkhidmatan talian seumpama ini adalah seperti Talian Kasih oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), KSK Care oleh Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (JAKIM), *The Befrienders*, MIASA, Young Buddhist Association of Malaysia (YBAM) Pelita, *The Sneham Malaysia Welfare Association's* dan sebagainya.
3. Secara keseluruhannya terdapat 14 agensi Kerajaan dan NGO yang menyediakan perkhidmatan atas talian bagi memberi sokongan emosi kepada masyarakat dimana tiga (3) daripadanya adalah dari organisasi Kerajaan manakala selebihnya adalah dari kalangan NGO.
4. Kebanyakan perkhidmatan dalam talian ini adalah disediakan dan disampaikan di dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris, manakala untuk Bahasa Mandarin terdapat tujuh (7) NGO iaitu MERCY Malaysia, The Befrienders, *Malaysia Mental Health Association* (MMHA), Women's Aid Organisation (WAO), *Young Buddhist Association of Malaysia* (YBAM) PELITA, *SOLS Health* dan *Safe Space Covid-19*.
5. Perkhidmatan kesihatan mental dan psikososial atas talian yang disediakan dalam Bahasa Tamil hanya disediakan oleh dua (2) NGO iaitu *The Befrienders* dan *Women's Aid Organisation* (WAO).

Sekian, terima kasih.